

**UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK SERI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA**

BERSEMPENA

**SEMINAR & MAJLIS MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

**MALAYSIAN CIVIL ENGINEERING STANDARD METHOD OF
MEASUREMENT (MYCESMM)**

PADA

**16 OKTOBER 2014
DI THE IMPERIAL, KUCHING, SARAWAK**

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abdul Karim
Ketua Eksekutif
CIDB Malaysia

YBhg. Dato' Ir Hj. Ismail Bin Md. Salleh
Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia

YBhg. Datuk Hj. Mohd Akhir Md Jiwa
Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Malaysia

Yang Berusaha Ir. Haji Zuraimi Haji Sabki
Pengarah
JKR Sarawak

Yang Berusaha Encik Abdul Rahman Ahmad
Ketua Pegawai Operasi
ABM Sarawak

Rakan-rakan strategik MoU, pegawai-pegawai kanan kerajaan, dif-dif
kehormat,

YBhg. Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya, kita semua dapat hadir ke majlis yang penuh bermakna ini, iaitu Seminar dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Malaysian Civil Engineering Standard Method of Measurement (MyCESMM). Saya berasa amat berbesar hati kerana dijemput untuk merasmikan seminar ini dan bertemu dengan penggiat industri pembinaan dari negeri Sarawak yang hadir pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Industri pembinaan adalah antara penyumbang terbesar dalam perkembangan ekonomi serta pembangunan negara. Pertumbuhan industri pembinaan kini berada di tahap paling tinggi sejak kegawatan ekonomi tahun 1997. Pada tahun lepas, kadar pertumbuhan industri adalah 10.9 peratus, iaitu melepasi pencapaian sektor lain di dalam negara ini. Industri pembinaan dijangka masih lagi berupaya mengekalkan kadar pertumbuhan dua digit pada tahun ini, dengan pertumbuhan setakat pertengahan pertama 2014 sebanyak 14.3 peratus.

3. Jika dilihat dari sudut nilai projek pembinaan juga jumlahnya amat memberangsangkan berikutan pelaburan kerajaan dan syarikat swasta di dalam projek-projek pembinaan di bawah Program Transformasi Ekonomi Negara. Nilai projek pembinaan pada tahun 2013 adalah sebanyak RM124 bilion meliputi 81 peratus atau RM100 bilion projek swasta dan 19 peratus atau RM24 bilion projek kerajaan. Setakat September 2014, jumlah nilai projek yang telah direkodkan adalah sebanyak RM69 bilion. Daripada RM69 bilion ini sejumlah 82

peratus atau RM57 bilion adalah projek swasta, manakala 18 peratus atau RM12 bilion projek kerajaan. Ini meliputi 39 peratus atau RM27 bilion nilai projek untuk bukan kediaman, 33 peratus (RM23 bilion) untuk kediaman, diikuti 22 peratus (RM15 bilion) untuk infrastruktur dan 6 peratus (RM4 bilion) untuk kemudahan sosial.

4. Daripada jumlah projek yang dilaksanakan dalam tempoh sembilan bulan tahun ini, lebih kurang RM3.2 bilion adalah projek-projek pembinaan di negeri Sarawak, di mana 46 peratus adalah projek-projek pembinaan infrastruktur. Projek-projek ini termasuk pembinaan Lapangan Terbang Mukah pakej 1, Mambong and Entinggan 275kV Substation Extension Project, dan kerja-kerja infrastruktur in Samalaju Industrial Park, Bintulu, selain projek-projek pembinaan jalanraya yang sedang giat dilaksanakan di seluruh negeri Sarawak. Saya juga berasa amat gembira dengan pengumuman pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Ucapan Bajet 2015 nya baru-baru ini. Lebuhraya Pan Borneo yang akan dibina tersebut adalah sepanjang 1,663km, di mana 936km lebuhraya tersebut terletak di Sarawak, manakala 727km lagi di Sabah. Ini adalah antara hasil daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur di negeri ini.

Para Hadirin sekalian,

5. Di dalam pelaksanaan projek pembinaan dan pembangunan yang kian rancak, kita perlu memastikan projek dilaksanakan dengan cepat, tepat dan berpandukan standard-standard yang telah ditetapkan. Di antara standard yang dimaksudkan adalah metodologi

ukuran bahan yang dibangunkan CIDB melalui kolaborasi dengan para penggiat industri pada 2011 iaitu *Malaysian Civil Engineering Standard Method of Measurement* atau dikenali sebagai MyCESMM.

6. MyCESMM yang menggantikan Malaysian Standard Method for Measurement of Civil Engineering Construction merangkumi aspek yang lebih luas dalam bidang kejuruteraan awam. Objektif MyCESMM adalah untuk menggalakkan penggiat industri menerapkan amalan terbaik dalam penyeragaman pengukuran kerja-kerja sivil mengikut standard yang sama bagi mengurangkan kekeliruan dan meningkatkan profesionalisma, dalam berinteraksi mengenai kaedah pengukuran, kaedah huraian dan definasi serta kaedah liputan kerja bagi setiap item yang dihargaikan.

7. Sepertimana yang kita sedia maklum, sesuatu projek pembinaan dilaksanakan oleh pelbagai pihak daripada pelbagai latar belakang dan kepakaran. Pihak-pihak tersebut perlu menguruskan beratus-ratus jenis bahan di dalam situasi kerja yang sangat berbeza. Dari situasi ini, ketidakseragaman mungkin akan berlaku. Oleh yang demikian, projek pembinaan yang dirancang berkemungkinan terjejas dari peringkat awal lagi kerana mereka yang terlibat berinteraksi menggunakan pendekatan yang berbeza.

8. Kesan daripada ketidakseragaman ini adalah kos pembinaan yang akan meningkat untuk memperbetulkan sebarang kesilapan yang telah berlaku. Di sinilah MyCESMM dapat memainkan peranan dengan menyediakan ukuran dan garis panduan yang seragam bagi semua pihak di dalam projek pembinaan. Jika semua penyediaan *Bills of Quantities* (BQ) dapat diselaraskan menggunakan MyCESMM,

maka masalah penyeragaman ukuran dapat dikurangkan dan prestasi serta produktiviti industri pembinaan itu sendiri pasti meningkat. Saya menggesa kesemua penggiat industri, terutamanya perunding kejuruteraan dan juga juru ukur bahan, menggunakan standard MyCESMM ini untuk penyediaan BQ di dalam projek-projek kerajaan, mahupun swasta di masa akan datang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. MyCESMM juga mempunyai peranan strategik dalam menggalakkan sistem perolehan yang adil dan efektif. Ini dapat dilihat melalui penggunaan standard MyCESMM di mana kesemua skop kerja dinyatakan dengan jelas dan seragam, setiap kontraktor yang memasuki tender projek akan mendapat maklumat dan kefahaman yang sama mengenai kerja-kerja yang perlu dilakukan. Ini sekaligus akan mengurangkan kekeliruan di dalam penyediaan harga tender dan kontraktor yang layak dapat dipilih dengan cara yang lebih objektif dan telus.

Para Hadirin sekalian,

10. Untuk makluman semua, CIDB telah menjalankan inisiatif yang sama di negeri Sabah dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan JKR Sabah, Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS), Pengurusan Aset Air Berhad dan Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM).

11. Pada hari yang mulia ini pula, inisiatif yang murni ini disambut baik oleh lebih banyak agensi iaitu Jabatan Kerja Raya Sarawak,

Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Lembaga Jurukur Bahan Malaysia, Royal Institution of Surveyors Malaysia, Institution of Engineers Malaysia dan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.

12. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa JKR Ibu Pejabat dan juga di negeri-negeri lain supaya menggunakan MyCESMM sebagai standard pengukuran bagi kerja-kerja kejuruteraan awam mulai tahun 2015. Saya percaya, selaku peneraju pelaksanaan projek-projek kerajaan, JKR mampu menjadi contoh dengan mengguna pakai MyCESMM. Ini diharap dapat menggalakkan pihak swasta untuk turut serta dan menggunakan MyCESMM bagi tujuan penyeragaman, mengurangkan pertikaian, dan meningkatkan produktiviti kerja.

13. Dengan ucapan tersebut dan lafaz bismillahirrahmanirahim, saya dengan rasminya melancarkan Seminar Malaysian Civil Engineering Standard Method Of Measurement (MyCESMM).

Sekian, terima kasih.